| 740 |
| 824 |
| 881 |
| 506 |
| 698 |
| 677 |
| 296 |
| 254 |
| 372 |
| 293 |
| 179 |
| 778 |
| 267 |
| 502 |
| 281 |
| 638 |
| 390 |

| PENGURANGAN / PERTAMBAHAN PEMILIH |
|---|
| 964 |
| 21 |
| 155 |
| 80 |
| 175 |
| 182 |
| -164 |
| 176 |
| 104 |
| -126 |
| 1,267 |
| 342 |
| 627 |
| 10 |
| 585 |
| 199 |
| 45 |
| 149 |
| 287 |
| 279 |
| 247 |
| 215 |
| 52 |
| 11 |
| -278 |
| -257 |
| -718 |
| -25 |
| -361 |
| 29 |
| 261 |
| 232 |
| 167 |
| -87 |
| 917 |
| 808 |
| 368 |
| 1,173 |
| 497 |
| 290 |
| 205 |
| 116 |
| 592 |

| PENGURANGAN / PERTAMBAHAN PEMILIH |
|---|
| 495 |
| 224 |
| 309 |
| 667 |
| 1,015 |
| 551 |
| 37 |
| 258 |
| 86 |
| 387 |
| 1,766 |
| 2,578 |
| 859 |
| 424 |
| 51 |
| 1,023 |
| 326 |
| 510 |
| 243 |
| 256 |
| 1,702 |
| 588 |
| -129 |
| 0 |
| -250 |
| 908 |
| -148 |
| -285 |
| 603 |
| 504 |
| -358 |
| -40 |
| 396 |
| -37 |
| 212 |
| 336 |
| 619 |
| 46 |
| -25 |
| 196 |
| 2,649 |
| 1,111 |
| 396 |

| PENGURANGAN / PERTAMBAHAN PEMILIH |
|---|
| 162 |
| 261 |
| 392 |
| 711 |
| 270 |
| 1,643 |
| -1,641 |
| 162 |
| 246 |
| 216 |
| 826 |
| 72 |
| 856 |
| 479 |
| 78 |
| 179 |
| 255 |
| 94 |
| -15 |
| 339 |
| 179 |
| 161 |
| 281 |
| 364 |
| 704 |
| 491 |
| 1,288 |
| 97 |
| 708 |
| 256 |
| 183 |
| 463 |
| 632 |
| 178 |
| 997 |
| 220 |
| 632 |
| 282 |
| 340 |
| 361 |
| 126 |
| 299 |
| 912 |

| PENGURANGAN / PERTAMBAHAN PEMILIH |
|---|
| 74 |
| 772 |
| 794 |
| 262 |
| 638 |
| 12 |
| 144 |
| 324 |
| 249 |
| 402 |
| 770 |
| 881 |
| 512 |
| 92 |
| -382 |
| 1,582 |
| 273 |
| 61 |
| 16 |
| 1,388 |
| 95 |
| -67 |
| 247 |
| 205 |
| 1,049 |
| 931 |
| 871 |
| 1,237 |
| 274 |
| 1,232 |
| 1,295 |
| 268 |
| 1,163 |
| 1,265 |
| 1,586 |
| 1,763 |
| 1,797 |
| 1,629 |
| 2,232 |
| 2,542 |
| 1,135 |
| 3,366 |
| 889 |

| PENGURANGAN / PERTAMBAHAN PEMILIH |
|---|
| 2,515 |
| 267 |
| 351 |
| -217 |
| 77 |
| 939 |
| 2,093 |
| 1,927 |
| 1,742 |
| 2,658 |
| 1,216 |
| 1,108 |
| 933 |
| 293 |
| 893 |
| 1,167 |
| 259 |
| 628 |
| 2,103 |
| 2,427 |
| 675 |
| 1,248 |
| 218 |
| 163 |
| 1,284 |
| 726 |
| 565 |
| 826 |
| 752 |
| 1,574 |
| -1,450 |
| -19 |
| -1,110 |
| 921 |
| 1,470 |
| 265 |
| 1,482 |
| 562 |
| 34 |
| 89 |
| 223 |
| 4 |
| 435 |

| PENGURANGAN / PERTAMBAHAN PEMILIH |
|---|
| 518 |
| 3 |
| 52 |
| 443 |
| 490 |
| 132 |
| -8 |
| 607 |
| 237 |
| -6 |
| -62 |
| 51 |
| 9 |
| 72 |
| 178 |
| 825 |
| -174 |
| 539 |
| 417 |
| 1,569 |
| 198 |
| 231 |
| -30 |
| -15 |
| 152 |
| 416 |
| -144 |
| 117 |
| 19 |
| 84 |
| 361 |
| -35 |
| 60 |
| 33 |
| -12 |
| -43 |
| 229 |
| -46 |
| 14 |
| 213 |
| 54 |
| -665 |
| 42 |

| PENGURANGAN / PERTAMBAHAN PEMILIH |
|---|
| 982 |
| 228 |
| 465 |
| 1,797 |
| 943 |
| 408 |
| 209 |
| 21 |
| 285 |
| -72 |
| 355 |
| 186 |
| -57 |
| 114 |
| 69 |
| 77 |
| 240 |
| 20 |
| 339 |
| 458 |
| 14 |
| -43 |
| 87 |
| 337 |
| 127 |
| 327 |
| 326 |
| 232 |
| 989 |
| 42 |
| 509 |
| 308 |
| -59 |
| 158 |
| 264 |
| 212 |
| 580 |
| 243 |
| 1,092 |
| 304 |
| 108 |
| 314 |
| -79 |

| PENGURANGAN / PERTAMBAHAN PEMILIH |
|---|
| 412 |
| 424 |
| -43 |
| 602 |
| 288 |
| 611 |
| 247 |
| 362 |
| 580 |
| 230 |
| 456 |
| -67 |
| 2,290 |
| 2,093 |
| 2,564 |
| 3,385 |
| 228 |
| -336 |
| 1,102 |
| 644 |
| 943 |
| 1,684 |
| 1,758 |
| -1,157 |
| 1,354 |
| 154 |
| 473 |
| 471 |
| -87 |
| 157 |
| 92 |
| 220 |
| 124 |
| 311 |
| 222 |
| 163 |
| 156 |
| 193 |
| 162 |
| 269 |
| 61 |
| 754 |
| 642 |

| PENGURANGAN / PERTAMBAHAN PEMILIH |
|---|
| 48 |
| -139 |
| 535 |
| 284 |
| -190 |
| 1,040 |
| -74 |
| 319 |
| 183 |
| 160 |
| 158 |
| 64 |
| 129 |
| 189 |
| 264 |
| 410 |
| 33 |
| 260 |
| 28 |
| 181 |
| 134 |
| 18 |
| 134 |
| 165 |
| 390 |
| 136 |
| 240 |
| 62 |
| 1,224 |
| 31 |
| -261 |
| 165 |
| -119 |
| 605 |
| 162 |
| 161 |
| 75 |
| -15 |
| 75 |
| -1 |
| 336 |
| 480 |
| 454 |

| PENGURANGAN / PERTAMBAHAN PEMILIH |
|---|
| 301 |
| 344 |
| 726 |
| -141 |
| 404 |
| 87 |
| 22 |
| 363 |
| 414 |
| 1,125 |
| 766 |
| 30 |
| -244 |
| -358 |
| 856 |
| 2,771 |
| 732 |
| 792 |
| 591 |
| 608 |
| 402 |
| 421 |
| 579 |
| 212 |
| 185 |
| 324 |
| 72 |
| 290 |
| 311 |
| 30 |
| 135 |
| 20 |
| 535 |
| 380 |
| 254 |
| 245 |
| 310 |
| 69 |
| 154 |
| -57 |
| -119 |
| -13 |
| 740 |

| PENGURANGAN / PERTAMBAHAN PEMILIH |
|---|
| 434 |
| 46 |
| 46 |
| 82 |
| 127 |
| 527 |
| 1,371 |
| -120 |
| 1,171 |
| 270 |
| 380 |
| 163 |
| 407 |
| 208 |
| 249 |
| 65 |
| 461 |
| 316 |
| 165 |
| 1,056 |
| 176 |
| 624 |
| 1,011 |
| -7 |
| 956 |
| 1,807 |
| 467 |
| 702 |
| 212 |
| 225 |
| 312 |
| 427 |
| 241,270 |

No: 311

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MOHD NASIR BIN
IBRAHIM FIKRI (KUALA
NERUS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah peserta yang telah mengikuti Program Latihan Khidmat Negara [PLKN] sejak ia dimulakan dan apakah keberkesanannya setimpal dengan pelaburan kerajaan dalam program tersebut serta apakah strategi masa depan yang dirancang kerajaan mengenainya.

JAWAPAN:

Sehingga tahun 2010, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah melatih seramai 517,855 orang pelatih.

PLKN yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia bermula tahun 2004 telah menatiahkan pelbagai impak positif. Kesan positif tersebut terjana melalui perubahan sikap pelatih dan aspek disiplin jati diri, keterampilan peribadi, sahsiah dan kemasyarakatan. Pakej latihan holistik yang merangkumi aspek fizikal, mental, rohani dan sosial itu bertujuan membentuk jiwa remaja agar lebih proaktif, ‘value added’ serta mempunyai nilai-nilai murni yang tinggi. Kajian persepsi yang telah dijalankan terhadap 61,950 bekas pelatih PLKN, ibu bapa, majikan

dan masyarakat pada akhir tahun 2009 menunjukkan lebih 80% daripada responden bersetuju bahawa PLKN memberi faedah dalam meningkatkan semangat patriotisma, jati diri dan kepentingan kerja-kerja sukarela dikalangan bekas pelatih PLKN.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa pelaburan Kerajaan terhadap program ini telah mendapat pulangan yang setimpal berdasarkan kepada pelbagai kejayaan yang telah dicapai dan reaksi positif masyarakat.

Ianya dapat dibuktikan melalui pertambahan permohonan pelatih-pelatih PLKN semasa dalam latihan untuk menyertai program agensi-agensi seperti berikut:

| JABATAN PERTAHANAN AWAM | SUKARELAWAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA | RAKAN COP PDRM |
|-------------------------|---------------------------------------|----------------|
| 4,755 | 44,344 | 40,586 |

Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mencapai Negara Maju pada tahun 2020, Modul Budaya Kerja akan diperkenalkan sebagai modul tambahan mulai tahun 2011. Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) juga telah menyusun pelbagai strategi dan perancangan untuk memperkasakan bekas Pelatih PLKN. Antaranya ialah dengan penubuhan Sekretariat Alumni PLKN, penggunaan Kad ‘Pintar PLKN’, dan PLKN 1 Komuniti. Program-program berjiwa rakyat diatur bagi mengekalkan keperibadian dan karakter yang telah dibina semasa latihan PLKN.

Disamping itu juga, JLKN sentiasa membuat penambahbaikan kepada modul-modul PLKN bagi memastikan ianya sentiasa relevan dengan perkembangan semasa. Keberkesanan setiap modul pula akan sentiasa diukur bagi mengekalkan kualiti *output/outcome* sebagaimana yang diharapkan.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN- PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri**
[Kuala Nerus]

SOALAN :

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil kerajaan dalam menangani masalah kekurangan tanah atau kawasan pertanian yang dibangunkan sebagai kawasan penempatan atau pembangunan serta apa pula usaha kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran makanan di negara ini.

Jawapan:

Pewartaan kawasan baru untuk tujuan pembangunan pertanian adalah dibawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kerjasama kerajaan negeri diperlukan untuk membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di kawasan tersebut bagi mengatasi masalah tanah pertanian yang semakin berkurangan akibat pembangunan sektor lain.

Strategi kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan di negara adalah melalui pembangunan tanah baru seperti TKPM dan peningkatan produktiviti kawasan sedia ada melalui pengamalan teknologi terkini dan amalan pertanian baik.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)

PERTANYAAN : BUKAN LISANLISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]

SOALAN :

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan bagi memelihara institusi masjid dan surau di negara ini daripada disalah gunakan untuk tujuan politik serta apakah pula langkah yang diambil mengenai penglibatan golongan bukan Islam yang menggunakan institusi tersebut.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Masjid adalah sebagai simbol perpaduan seluruh umat Islam yang berfungsi bukan sekadar tempat beribadat, malah sebagai tempat untuk penyebaran ilmu dan ajaran agama. Sehubungan itu, usaha untuk

mencemarkan kesuciannya dengan apa cara sekalipun seperti mengadakan ceramah politik yang di dalamnya berunsur fitnah, menghina, dan menjatuhkan maruah orang lain amat dilarang. Oleh itu, semua pihak perlu memelihara kesucian masjid agar tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak termasuk orang bukan Islam.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hal ehwal masjid dan surau adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang termaktub dalam Butiran I, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Justeru, segala urusan yang berkaitan dengan pentadbiran masjid dan surau merupakan tanggungjawab pihak Kerajaan Negeri sepenuhnya.

Di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan Negeri-Negeri, beberapa undang-undang dan kaedah-kaedah telah digubal untuk mengawal penyalahgunaan masjid dan surau sebagai tempat berpolitik. Bagi Wilayah Persekutuan, antara peruntukan undang-undang dan kaedah-kaedah yang berkaitan adalah seperti berikut :

- (i) Seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] memperuntukkan kesalahan **menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama** dan "*apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.*"
- (ii) Seksyen 81(2)(c) Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-

Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan bahawa :

” Jawatankuasa kariah, bersama-sama dengan pegawai masjid, hendaklah –

“memberikan maklumat wajar dan segera kepada Majlis tentang semua perkara yang berbangkit dalam kariah itu yang menghendaki perhatian Majlis.”

- (iii) Kaedah 26 Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006 memperuntukkan seperti berikut :

*”Tiap-tiap pengajar yang telah diberikan tauliah mengajar di bawah kaedah 25 hendaklah, dalam melaksanakan tugasnya, tertakluk kepada syarat-syarat “, termasuk **tidak menyentuh isu politik;***

- (iv) Kaedah 10(1) Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah Persekutuan 1987 memperuntukkan seperti berikut :

”Dalam atau bagi maksud menunaikan tugasnya mentadbirkan masjid di bawah seksyen 118(2) dan (3) Enakmen, Jawatankuasa Kariah hendaklah –

“..merujukkan kepada Jabatan untuk keputusan apa-apa masalah, soalan, pertelingkahan atau percanggahan yang ia tidak berupaya menyelesaikannya yang timbul berkenaan dengan

perkara yang termasuk dalam bidang kewajipannya atau berkenaan dengan menunaikan kewajipan itu.”

Oleh yang demikian, sekiranya didapati masjid dan surau disalahgunakan untuk kepentingan politik, tindakan yang sewajarnya kepada pihak berkenaan boleh diambil berdasarkan peruntukan-peruntukan di dalam Akta/Enakmen dan Kaedah-Kaedah tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
(KUALA NERUS)
NO. SOALAN : 319

DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI (KUALA NERUS) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah strategi kerajaan dalam menangani isu kenaikan harga barang yang tidak setimpal dengan anjakan pendapatan serta apakah halangan-halangan (jika ada) dalam usaha menangani masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menangani isu kenaikan harga yang mendadak dan tidak munasabah sekiranya harga tidak lagi terkawal, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dan strategi iaitu:

- i) Mengawal harga barang-barang kawalan yang merupakan barang keperluan asas pengguna seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras dan bahan api (petrol, diesel dan gas memasak);
- ii) Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-Undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010 pada 14 Oktober 2010 untuk

membendung amalan pencatutan dalam kalangan peniaga. Undang-undang ini membolehkan Kerajaan mengambil tindakan ke atas peniaga yang mengambil keuntungan secara berlebihan bagi melindungi kepentingan pengguna;

- iii) Mengawal harga barang-barang perlu semasa musim perayaan supaya bekalan barang keperluan seperti beras, daging, ayam, gula, minyak masak dan sayur-sayuran adalah mencukupi dari segi pengeluarannya;
- iv) Mengadakan sesi dialog dan perbincangan dengan persatuan industri-industri berkaitan serta persatuan-persatuan peniaga bagi menerangkan isu kenaikan harga barang dan meminta supaya industri tidak menaikkan harga produk akhir mereka secara drastik; dan
- v) Melaksanakan dasar kewangan yang bersesuaian seperti meneruskan dasar monetari akomodatif yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan tidak memberi tekanan ke atas paras harga;

Terdapat beberapa halangan yang dirasakan akan dihadapi dalam melaksanakan langkah atau strategi ini antaranya adalah:

- i) Faktor-faktor diluar kawalan Kerajaan seperti perubahan cuaca, bencana alam di negara pengeluar komoditi serta kenaikan harga pasaran dunia yang memberi kesan secara langsung kepada perubahan harga sesuatu barang;
- ii) Kenaikan kos pengeluaran akibat peningkatan kos bahan mentah yang kecil tetapi berlaku kenaikan harga yang besar kepada produk akhir. Ini kerana sikap tidak bertanggungjawab peniaga yang ingin mengaut untungan yang berlebihan.

Dalam menangani isu kenaikan harga barang, pengguna tidak wajar semata-mata bergantung kepada usaha atau inisiatif kerajaan. Pengguna juga perlu bijak memainkan peranan dan mempunyai kesedaran kepenggunaan dalam diri mereka.

**PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]

SOALAN :

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan melalui agensi berkaitan seperti MARDI telah mengambil faedah daripada hasil kajian yang dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam sektor pertanian bagi menjana pendapatan petani dan apakah perancangan jangka panjang bagi membolehkan hasil kajian tersebut digunakan secara komersial.

JAWAPAN : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Kajian-kajian yang dilaksanakan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam sektor pertanian pada umumnya dijalankan di peringkat asas (*basic*) sahaja dan hasil-hasil R&D yang dijalankan biasanya sukar menjana pendapatan petani/penternak. Justeru, bagi tujuan menjana pendapatan, kajian-kajian lanjutan yang lebih intensif perlu dijalankan sehingga ke peringkat ladang.

Bagi perancangan jangka panjang, kajian-kajian berkaitan pertanian wajar dilaksanakan secara *participatory approach* terus bersama petani/penternak, dengan melibatkan penyelidik-penyalidik pelbagai bidang dari IPT, MARDI dan agensi-agensi pertanian berkaitan. Hasil-hasil kajian yang mengambil kira kesemua aspek ini dilihat lebih berstruktur dan mencepatkan impak ke arah pengkomersialan.

No: 316

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
(SIPITANG)**

SOALAN : 316

Datuk Sapawi Bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil kajian berhubung dasar kabotaj yang dipraktikkan sejak 30 tahun lepas.

JAWAPAN

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kajian spesifik mengenai Dasar Kabotaj tidak pernah dilakukan. Walaubagaimanapun, pada tahun 2006 terdapat satu kajian iaitu ‘Port Competitiveness Study For East Malaysia’ yang antara lain turut menyentuh mengenai Dasar Kabotaj di Malaysia Timur.

Kajian tersebut telah mendapati pelabuhan-pelabuhan di Malaysia Timur mempunyai fasiliti yang kurang memuaskan dan pengendalian kontena yang tidak cekap. Pelabuhan-pelabuhan juga mengalami masalah akses di mana alur masuk adalah cetek dan dihadkan dengan kehadiran benteng pasir.

Masalah-masalah tersebut menghadkan jenis kapal yang boleh memasuki pelabuhan-pelabuhan di Malaysia Timur serta menyumbang kepada produktiviti pelabuhan yang rendah. Selain itu, kos pelabuhan di Malaysia Timur yang perlu

ditanggung oleh pemilik kapal secara relatifnya adalah lebih tinggi berbanding dengan kos yang dikenakan di pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia.

Kajian tersebut juga mendapati bahawa pengendalian kontena di Malaysia Timur dicirikan dengan jumlah import yang bersaiz dua kali lebih banyak daripada jumlah eksport kontena. Ini menyebabkan kapal-kapal yang terbabit akan hanya membawa separuh sahaja muatan kembali ke destinasi berbanding sewaktu pelayaran ke Malaysia Timur. Ciri-ciri pelabuhan dan masalah yang berlaku menyumbang kepada kadar fret yang tinggi bagi perkhidmatan perkapalan ke Malaysia Timur.

Selain itu, kajian tersebut juga telah mencadangkan agar Dasar Kabotaj diliberalisasikan bagi aktiviti pengangkutan kontena antara sektor Bintulu dan Semenanjung Malaysia bagi menjayakan Pelabuhan Bintulu sebagai hab pemunggahan kontena di Malaysia Timur untuk tempoh percubaan selama satu tahun.

Walaubagaimanapun, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan meliberalisasikan Dasar Kabotaj bagi aktiviti pengangkutan kargo pindah kapal untuk sektor Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas dengan Pelabuhan Bintulu, Pelabuhan Kuching dan Pelabuhan Sepanggar pada 3 Jun 2009.

No : 317

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
(SIPITANG)
NO. SOALAN : 322

DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan usaha dan pendekatan baru yang dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran pengguna kepada antar 70-80 peratus tahun ini daripada purata nasional semasa iaitu 51 peratus.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak kerajaan menyedari hakikat akan tahap kesedaran pengguna diperingkat nasional pada masa ini adalah pada kadar 58%. Oleh itu kerajaan melalui Kementerian sepanjang masa berusaha untuk meningkatkan kadar tersebut ke tahap yang lebih tinggi melalui pelbagai kaedah dan pendekatan. Antara pendekatan yang diambil ialah melalui televisyen, suratkhabar utama, kempen-kempen kesedaran kepenggunaan diseluruh negara, mempergiatkan aktiviti-aktiviti kepenggunaan pejabat negeri dan daerah Kementerian, menggandakan usaha sama dengan badan-badan bukan Kerajaan dan institusi pendidikan.

Antara pendekatan dan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- i) Penggunaan Media Elektronik – Meningkatkan kesedaran kepenggunaan melalui penyiaran iklan-iklan Kempen Kuasa Pengguna dan Pengguna Bijak di televisyen dan radio.
- ii) Penggunaan Media Cetak – Memberi kesedaran dan juga informasi kepenggunaan melalui penyiaran iklan, artikel dan rencana di akhbar-akhbar utama.
- iii) Penggunaan Internet – Menyediakan portal *Smart Consumer* bagi membolehkan pengguna berhubung dan berinteraksi secara dalam talian (*Online*). Laman web sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* turut digunakan untuk menyebarkan informasi kepenggunaan.
- iv) Mengadakan kempen-kempen seperti Kempen Pengguna Bijak, Kempen Kuasa Pengguna, Kempen berkaitan Standard Keselamatan Mainan Kanak-Kanak, Kempen Kurangkan Gula dan Kempen Kurangkan Beg Plastik untuk meningkatkan tahap kesedaran pengguna.
- v) Menubuhkan Kelab Pengguna Sekolah (KPS) dan juga Kelab Pengguna IPT untuk mendidik generasi muda tentang hak-hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna.
- vi) Mengadakan program seminar memperkasakan pengguna secara kerjasama pintar (*smartpartnership*) dengan pertubuhan NGO bukan kepenggunaan.

Selain itu, antara pendekatan baru yang dijalankan oleh Kementerian ialah mewujudkan program kepenggunaan luar bandar untuk meningkatkan kesedaran kepenggunaan di kalangan pengguna-pengguna luar bandar. Pendekatan yang digunakan adalah lebih santai dan mudah diterima masyarakat iaitu melalui pengedaran risalah, bahan bacaan, bahan audiovisual seperti dvd serta pameran dan demonstrasi

Kementerian juga telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan Program Jelajah Pengguna 1Malaysia. Melalui program jelajah ini kenderaan Kementerian bergerak ke tempat-tempat yang menjadi tumpuan umum seperti ke pasar-pasar,

kampung-kampung, plaza tol dan sekolah bagi mengedarkan risalah dan maklumat di samping menjadi kaunter bergerak bagi sebarang pertanyaan dan aduan.

Pada masa yang sama, Kementerian turut mengadakan aktiviti-aktiviti kepenggunaan yang bercirikan *game show* seperti *Consumer Hunt*, *Consumer Survival* dan Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIP KPS) bagi menarik minat generasi muda kepada aktiviti-aktiviti kepenggunaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]

SOALAN:

Datuk Sapawi Bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian Bumiputra dan khususnya orang Melayu dalam ekonomi, data dan statistik, dengan mengambil kira pendekatan-pendekatan yang dilaksana menerusi Model Ekonomi Baru (MEB).

JAWAPAN:

Matlamat utama Model Baru Ekonomi (MBE) adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi dengan ciri keterangkuman dan kebolehmampanan menjelang tahun 2020. Konsep inklusif dan keadilan sosial yang diamalkan oleh Kerajaan tertumpu kepada usaha memastikan tiada golongan masyarakat yang akan terpinggir daripada arus pembangunan negara. Oleh itu, agenda pembangunan Bumiputra sememangnya terus diberi perhatian oleh Kerajaan bagi memastikan penyertaan Bumiputra yang berkesan dalam ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat dan data berkaitan masyarakat Melayu dikelompokkan secara bersama dalam kategori Bumiputra. Sehingga tahun 2008, pemilikan ekuiti Bumiputra

dalam sektor korporat menunjukkan peningkatan daripada 19.4 peratus pada tahun 2006 kepada 21.9 peratus pada tahun 2008.

Penyertaan guna tenaga Bumiputera juga telah mencatatkan peningkatan dalam kategori pekerjaan pengurusan dan profesional. Bilangan profesional Bumiputera, khususnya dalam 8 bidang profesi utama telah meningkat dengan ketara. Sebagai contoh, bilangan arkitek Bumiputera telah meningkat daripada 45.3 peratus pada tahun 2005 kepada 60.0 peratus pada tahun 2008, juruukur daripada 48.2 peratus kepada 55.1 peratus dan doktor daripada 38.1 peratus kepada 53.0 peratus dalam tempoh yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang dalam usaha membangunkan indikator yang komprehensif bagi mengukur pencapaian Bumiputera dalam ekonomi. Indikator tersebut diharap akan dijadikan rujukan bagi tujuan perancangan program dan projek pembangunan untuk meningkatkan penyertaan berkesan masyarakat Bumiputera dalam pembangunan negara.

SOALAN NO: 319

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keputusan yang sudah dibuat berhubung cadangan menetapkan gaji minimum untuk pembantu rumah.

PR-1233-T39152

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, isu gaji minimum bagi pembantu rumah telah dibangkitkan oleh Kerajaan Indonesia semasa membincangkan Memorandum Persefahaman Berkenaan Pengambilan dan Penggajian Pembantu Rumah dari Indonesia pada tahun 2008. Namun Kerajaan Malaysia telah menyatakan pendirian bahawa buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan gaji minimum bagi pembantu rumah asing di negara ini dan bersetuju supaya ianya ditentukan oleh kuasa pasaran. Pendirian ini diterima baik oleh pihak Kerajaan negara sumber termasuk Kerajaan Indonesia.

No: 320

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
KEMENTERIAN LUAR NEGERI
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : Bukan Jawab Lisan
DARIPADA : Datuk Sapawi Bin Haji Ahmad [Sipitang]

SOALAN [320] : Datuk Sapawi Bin Haji Ahmad [Sipitang]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan terkini cadangan membina Pejabat Konsulat Filipina di Sabah sebagai usaha jangka panjang menyelesaikan isu pendatang asing di negeri Sabah.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sipitang atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman YB Sipitang, Kerajaan Malaysia telah secara konsisten menggesa Kerajaan Filipina supaya membuka pejabat Konsulat Filipina di Sabah. Sehingga kini, Kerajaan Filipina masih belum membuat apa-apa keputusan berkaitan perkara ini.

3. YB Dato' Sri Anifah Haji Aman, Menteri Luar Negeri Malaysia telah sekali lagi membangkitkan perkara ini apabila beliau melakukan kunjungan hormat ke atas TYT Benigno S. Aquino III, Presiden Filipina, di Manila pada 14 September 2010. Semasa kunjungan hormat tersebut, YB Menteri Luar Negeri menekankan kepada Presiden Aquino mengenai

keperluan Kerajaan Filipina membuka Konsulat Jeneral mereka di Sabah memandangkan terdapat begitu ramai rakyat Filipina yang bekerja di Sabah. Penubuhan pejabat Konsulat akan membantu urusan-urusan konsular yang melibatkan rakyat Filipina di negeri Sabah. Presiden Aquino dalam reaksi balasnya telah memberikan komitmen beliau untuk meneliti perkara ini dan membincangkannya dengan agensi Filipina yang berkaitan.

4. Pada masa ini, Kedutaan Besar Filipina di Kuala Lumpur menghantar pegawai-pegawainya ke Sabah secara berkala bagi membantu urusan konsular yang melibatkan rakyat Filipina di Sabah dan urusan penghantaran pulang pendatang tanpa izin.
5. Kerajaan Malaysia dalam hal ini berharap agar Presiden Aquino bersedia dan dapat merealisasikan pembukaan Konsulat Jeneral Filipina di Sabah semasa pentadbiran beliau.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASAH)**

SOALAN : 321

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini dasar “*Open Sky*” yang dilaksanakan oleh Malaysia dan sejauh manakah pelaksanaan dasar ini memberikan pulangan kepada negara.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia pada masa ini menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara dua hala (*Air Services Agreement - ASA*) dengan 96 buah negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18 buah perjanjian merupakan perjanjian yang bersifat *Open Sky* di mana syarikat-syarikat penerbangan kedua-dua buah negara Pejanji dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara destinasi-destinasi kedua-dua buah negara tanpa had frekuensi, kapasiti dan jenis pesawat bagi hak trafik ketiga, keempat dan kelima.

Malaysia pada masa ini mempunyai *open sky* secara bilateral dengan Negara-negara seperti Bahrain, Chile (sehingga hak trafik keenam), Denmark, Ireland, Lebanon, Luxembourg, Macau, Maldives, New Zealand, Norway, Oman, Qatar, Sri Lanka, Sweden, U.A.E., U.S.A. (sehingga hak trafik kelima dan hak trafik ketujuh), Yemen dan Zambia.

Selain itu, di peringkat multilateral, Malaysia juga telah melaksanakan dasar *open sky* secara berperingkat dengan Negara-negara ASEAN berdasarkan kepada ASEAN *Roadmap on Integration of Air Travel Sector (RIATS)* yang membolehkan syarikat penerbangan negara-negara ASEAN untuk mengadakan penerbangan tanpa had kapasiti, kekerapan ataupun jenis pesawat di antara ibu negara-ibu negara ASEAN dengan hak trafik ketiga, keempat dan kelima.

Baru-baru ini, semasa Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN pada 12 November 2010 di Brunei Darussalam, capaian *open sky* ASEAN telah diperluaskan kepada semua bandar di Negara-negara ASEAN yang mempunyai lapangan terbang antarabangsa, dengan termeterainya Perjanjian *Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Air Services* (MAFLPAS). Selain itu, pada Mesyuarat yang sama, Malaysia bersama-sama dengan Negara-negara ASEAN yang lain juga telah menandatangani ASEAN – China Air Transport Agreement yang membenarkan syarikat-syarikat penerbangan dari Negara-negara ASEAN dan China mengadakan penerbangan tanpa had kapasiti, kekerapan ataupun jenis pesawat di antara semua bandar yang mempunyai lapangan terbang antarabangsa di ASEAN dan China, dengan hak trafik ketiga dan keempat.

Pelaksanaan dasar *open sky* memberi kemudahan dan daya penarik kepada syarikat-syarikat penerbangan kedua-dua buah negara untuk meneroka pasaran dan mengadakan penerbangan dengan kekerapan dan laluan yang diingini secara *commercially viable*. Di samping dapat mempertingkat dan memperkuuhkan sistem perkhidmatan pengangkutan udara serta mengeratkan lagi kerjasama dua hala Malaysia dengan negara-negara asing terutamanya dalam bidang pengangkutan, ianya juga akan membantu meningkatkan lagi ekonomi, pelancongan dan hubungan antara rakyat (*people to people contact*) Malaysia dengan negara-negara tersebut. Ini secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan industri pelancongan negara melalui peningkatan bilangan kemasukan pelancong khususnya dari negara-negara asing dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui pulangan kadar tukaran wang asing.

Selain itu, kewujudan *open sky* di antara di antara Malaysia dengan negara-negara asing juga meningkatkan *accessibility* di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut. Ini telah membuka peluang kepada lebih banyak aktiviti perdagangan dua hala dan pelbagai hala, yang membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara. Peningkatan kegiatan ekonomi yang telah disumbangkan oleh dasar *open sky* juga telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara dan seterusnya meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Prestasi pergerakan penumpang dan kargo yang direkodkan di semua lapangan terbang di Malaysia sepanjang tahun 2010 telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2009, di mana prestasi pergerakan penumpang telah meningkat

sebanyak 16.6% dan prestasi pergerakan kargo pula telah meningkat sebanyak 23.7%.

Selain daripada itu, jumlah syarikat penerbangan asing yang beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) juga telah meningkat berbanding sebanyak 55 buah syarikat pada tahun 2009 ke 58 buah syarikat pada tahun 2010.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit thalasaemia yang masih menunggu giliran untuk mendapatkan rawatan dalam negara dan apakah jenis bantuan kewangan yang boleh dipohon oleh pesakit thalasaemia di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 25 Ogos 2004, Jemaah Menteri telah meluluskan Program Kawalan dan Pencegahan Talasemia dengan peruntukan sebanyak RM49.4 juta. Program ini merupakan gabungan empat komponen utama iaitu perawatan optimum pesakit, pendidikan kesihatan untuk masyarakat, ujian saringan penduduk dan kaunseling serta Daftar Talasemia Kebangsaan.

Bagi memastikan perawatan yang optima diberikan kepada pesakit-pesakit thalassaemia, pada tahun 2006 peruntukan sebanyak

RM24.73 juta telah diluluskan untuk pembelian ubat desferrioxamine (desferral), pam infusi, bahan reagent, serta bahan pakai buang.

Pada masa kini, terdapat sejumlah 4,768 orang pesakit kanak-kanak yang berumur di antara 2 hingga 17 tahun yang menerima rawatan ubat *chelating agent* seperti desferrioxamine (desferral) secara percuma di hospital-hospital KKM dengan menggunakan peruntukan yang telah diluluskan melalui Jemaah Menteri itu. Manakala pesakit-pesakit dewasa pula mendapatkan bantuan kewangan melalui Tabung Bantuan Perubatan, KKM dan juga melalui Badan Bukan Kerajaan seperti Persatuan Thalassaemia Malaysia.

Namun begitu, pada tahun 2009, peruntukan bagi pembelian ubat *chelating agents*, pam infusi, bahan reagent, dan bahan pakai buang serta penyelenggaraan untuk Daftar Talasemia Kebangsaan telah dikurangkan kepada RM18.57 juta.

N0: 323

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : Bagi Bukan Jawab Lisan

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

SOALAN : 323

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan secara terperinci kos pembinaan KLIA 2 mengikut item-item tertentu dan siapakah kontraktor-kontraktor yang dilantik untuk menjalankan projek tersebut dan justifikasi pelantikan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Skop Projek Pembinaan *Low Cost Carrier Terminal* (LCCT) Baru atau lebih dikenali sebagai KLIA 2 dibahagikan kepada 40 buah pakej yang mana 34 pakej dibangunkan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) secara tender terbuka dan 6 pakej dilaksanakan secara penswastaan. Pakej-pakej yang ditender terbuka diputuskan atas prinsip termurah di kalangan mereka yang memenuhi spesifikasi teknikal. Skop projek yang diswastakan adalah seperti sistem penyejukan lingkungan pusat, kompleks membeli-belah, *concrete batching plant*, *petronas fuel Hydrant* dan hotel. Syarikat yang terlibat bagi 5 pakej penswastaan yang telah dilantik adalah WCT Berhad, Lafarge, TNB Engineering Corporation Sdn Bhd, Konsortium Bina Puri-Brem-Nikmat Jaya dan Petronas.

Berikut adalah Pecahan Pakej-Pakej Bagi Projek Pembangunan LCCT Baru (KLIA 2)

| No | Package No. | Package Description | Consultant s | Contractors | Contract Amount (RM) |
|----|-------------|---|--------------------|------------------------|----------------------|
| 1. | EN01 | Enabling Work | SMHB | Jentayu Padu S/B | 11,972,240.00 |
| 2. | EW01 | Earthwork & Main Drainage for Terminal & Parking Apron & Taxiways | STRAITS | WCT Berhad | 363,000,000.00 |
| 3. | EW01A | Earthworks & Main Drainage at Privatized Area. | STRAITS | MENTA Construction S/B | 79,980,383.97 |
| 4. | EW02A | Site Preparation, Earthworks and Main Drainage for Runway 3 and Its Associated Taxiways | HSSI | Gadang - BJQ JV | 291,180,764.38 |
| 5. | TB01 | Main Terminal Building, Satellite Building, Sky Bridge and Piers | LKMD/RAN HILL/KTAT | UEM - Bina Puri JV | 997,227,000.00 |
| 6. | TB02A | Aircraft Parking Apron | EEC | To Be appointed | |
| 7. | TB02B | Aircraft Parking Apron | EEC | To Be appointed | |
| 8. | TB03 | High Mast | EPSILON | To Be | |

| | | | | | |
|-----|-------|---|--|--------------------|---------------|
| | | Lighting and VDGS | | appointed | |
| 9. | AF01 | Runway 3 & Parallel Taxiway | JPZ | To Be appointed | |
| 10. | AF02 | Cross Taxiway between Runway 2 &3 | HTM | To Be appointed | |
| 11. | AF04 | Airfield Ground Lighting to Runway, Taxiway & Apron. | SCOT WILSON | To Be appointed | |
| 12. | AF04A | Relocation of AGL Substation D and Associated Works. | SCOT WILSON | Sena Frezawa JV | 10,338,704.09 |
| 13. | AF05 | Navigational Aids | SCOTT WILSON | To Be appointed | |
| 14. | AF06 | Apron and Airport Control Tower (West) | ARK VISIREKA/ BR/J&A | To Be appointed | |
| 15. | AF07 | Communication Aids | EPSILON | To Be appointed | |
| 16. | AF08 | Airfield Fire Rescue Sub- station (AFRS) | MAA/DNP CONSULT/ KUASA TENAGA | To Be appointed | |
| 17. | UT01 | Water Distribution | SMHB | Asia Baru | 13,860,000.00 |

| | | System | | Const S/B | |
|-----|--------|---|---------------|---------------------|-----------------------------|
| 18. | UT02 | Water Storage Reservoir | SMHB | FCY Const S/B | 9,581,000.00 |
| 19. | UT03 | STP & Sewerage Pipe | SMHB | | |
| 20. | UT03A | Relocation of Services | Min Consult | WCT S/B | (Inclusive in EW01 package) |
| 21. | UT04 | Electrical Power Distribution System | SMHB | Zeta – Datapuri JV | 45,824,000.00 |
| 22. | LF05A | Terminal Approach Road (At grade and Elevated U-turn) | GEA | TH Technologies S/B | 64,124,806.80 |
| 23. | LF05B | Terminal Approach Road (Elevated road) | GEA | Acre Works S/B | 119,769,769.00 |
| 24. | LF06 | Perimeter Road (8.15km) and Security Road & Fencing (8.7km) | GEA | To Be appointed | |
| 25. | LF08 | Landscaping | ANZ Landscape | To Be appointed | |
| 26. | ICT01A | Outside Plan Infrastructure | MATECH | To Be appointed | |
| 27. | ICT01B | ISP, Active Equipment, | MATECH | To Be appointed | |

| | | | | | |
|-----|--------|---|-------------------|---|----------------|
| | | PABX, TRS | | | |
| 28. | ICT01C | Common Antenna Infrastructure | MATECH | To Be appointed | |
| 29. | ICT02A | SCADA | MATECH | To Be appointed | |
| 30. | ICT02B | FIDS | MATECH | To Be appointed | |
| 31. | ICT02C | CCTV | MATECH | To Be appointed | |
| 32. | ICT02D | ACAM | MATECH | To Be appointed | |
| 33. | ICT03 | PC, Peripherals, Configuration License | MATECH | To Be appointed | |
| 34. | FV01 | Supply of Fire Vehicles for AFRS | MAHB | UMW S/B | 16,001,932.00 |
| 35. | PV01 | Concrete Batching Plant | PRIVATISA TION | LAFARGE | 293,000.00 |
| 36. | PV02 | District Cooling & Chiller Water Distribution | PRIVATISA TION | Tenaga Nasional Eng. Consultancy | 346,000,000.00 |
| 37. | PV03 | Integrated Complex | PRIVATISA TION | WCT BHD | 486,000,000.00 |

| | | | | | |
|-----|------|--------------------------|---------------|---|--|
| 38. | PV04 | Hotel | PRIVATISATION | Konsortium Bina Puri- Brem-Nikmat Jaya | Surat niat telah dikeluarkan. Anggaran kos 100,000,000.00 |
| 39. | PV05 | Ground Handling | PRIVATISATION | To Be appointed | |
| 40. | PV06 | Petronas Fuel Hydrant | PRIVATISATION | PETRONAS | Masih diperingkat perbincangan melalui rundingan terus |

Kontraktor-kontraktor ini dipilih melalui proses tender terbuka, manakala bagi kontraktor yang dilantik secara penswastaan adalah mengikut tatacara pemilihan melalui **garis panduan penilaian khas** untuk 'Privatisation' yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah MAHB.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci senarai projek yang akan dilaksanakan terutamanya di Negeri Sembilan mengikut kawasan Parlimen dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), nilai kos setiap projek tersebut serta tempoh pelaksanaannya

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 227 projek bernilai RM2.9 bilion akan dilaksanakan di Negeri Sembilan bagi tempoh dua tahun pertama RMKe-10. Bagi kawasan Parlimen Rasah, siling peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM298 juta untuk melaksanakan 24 projek.

NO. SOALAN :325

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK
[RASAH]**

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan khas YAB Perdana Menteri yang telah disalurkan untuk Parlimen Rasah sepanjang tahun 2010, siapakah penerimanya dan nilai setiap peruntukan tersebut serta tujuannya.

JAWAPAN :

Bagi tahun 2010 ini, sebanyak **RM 240,300.00** telah dibelanjakan bagi membiayai **27 projek/program/sumbangan kewangan** di bawah Peruntukan Khas kawasan Parlimen Rasah. Bilangan dan nilai mengikut kategori projek adalah seperti berikut:

| BIL | KATEGORI | BIL PROJEK | KOS PROJEK (RM) |
|---------------|---|------------|-------------------|
| 1 | BANTUAN BENCANA ALAM/OKU/GOLONGAN TERMISKIN | 1 | 35,000.00 |
| 2 | BANTUAN/SUMBANGAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) | 11 | 51,000.00 |
| 3 | INFRASTRUKTUR ASAS | 9 | 110,000.00 |
| 4 | INFRASTRUKTUR AWAM | 2 | 6,500.00 |
| 5 | PEMBEKALAN SUKAN/GELANGGANG SUKAN | 2 | 17,800.00 |
| 6 | PROJEK KEAGAMAAN ISLAM | 2 | 20,000.00 |
| JUMLAH | | 27 | 240,300.00 |

Peruntukan bagi pembinaan infrastruktur awam dan asas iaitu seperti pembaikan jambatan dan membina longkang dilaksanakan untuk faedah rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B.DATO'SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]

SOALAN :

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status berhubung dengan pelaksanaan pembinaan Hospital Rembau, di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, serta permohonan bagi pembinaan Klinik 1Malaysia di kawasan Parlimen Rembau.

Tuan Yang Dipertua,

Hospital Rembau telah dipohon pelaksanaanya di dalam *first rolling plan* Rancangan Malaysia ke-10. Namun disebabkan kekangan peruntukan projek ini telah tidak tersenarai walaupun Hospital Rembau adalah di antara projek yang diberi keutamaan. Kementerian berhasrat memohon semula projek ini di dalam *second rolling plan* RMK-10. Manakala bagi pembinaan Klinik 1Malaysia bagi Negeri Sembilan, 2 lokasi telah dikenalpasti di Seremban untuk tujuan pembinaan Klinik 1Malaysia untuk tahun 2011. Walaubagaimanapun, cadangan penubuhan Klinik 1Malaysia tambahan boleh dimasukkan dalam perlaksanaan pada tahun 2012.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

SOALAN :

Tuan Khairy Jamaludin [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menggunakan pakai pendekatan *Least Present Values of the Revenues* (LPVR), sebagaimana yang telah diguna pakai di negara Chile bagi projek konsesi lebuh raya di sana, yang mana dianggarkan dapat mengurangkan kos keseluruhan sebanyak hampir 33 peratus, di dalam penilaian projek-projek perkongsian antara pihak Kerajaan dan swasta.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan *Least Present Values of the Revenues* (LPVR) atau juga dikenali sebagai *Present Value of Revenue auction* adalah kaedah bidaan berdasarkan aliran tunai projek di mana syarikat yang menawarkan pulangan terendah dalam bentuk *Present Value* bagi keseluruhan pulangan dalam aliran tunai, akan dipilih sebagai syarikat yang berjaya dalam pembidaan. Pendekatan LPVR merupakan salah satu pendekatan yang boleh diguna pakai dalam proses penilaian tender bagi projek-projek Perkongsian Awam Swasta (PPP) yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
SOALAN : NO.328

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status pelaksanaan dasar di mana kebolehupayaan diambil kerja siswazah akan dijadikan satu daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di institusi-institusi pengajian tinggi awam tempatan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi telah menetapkan bahawa kebolehpasaran graduan merupakan salah satu *Key Performance Index* (KPI) di bawah bidang keberhasilan utama kementerian (MKRA). Ianya juga merupakan salah satu agenda kritikal kementerian dan telah menjadi KPI bagi semua IPTA. Pada masa hadapan, pencapaian KPI kebolehpasaran graduan akan dijadikan sandaran dalam pengagihan peruntukan kepada IPTA.

Setiap tahun, KPT telah mengadakan kajian pengesanan Graduan sebagai mekanisma untuk meninjau tahap kebolehpasaran graduan. Kajian ini merupakan kajian tahunan untuk mengesan destinasi pertama graduan selepas menduduki peperiksaan di tahun akhir sehingga tarikh menghadiri majlis konvokesyen, iaitu lazimnya dalam lingkungan 3

hingga 6 bulan. Kajian ini melibatkan semua IPTA, Politeknik, Kolej Komuniti dan beberapa IPTS terpilih.

KPI Kebolehpasaran graduan IPTA juga dipantau melalui sistem Electronic Project Management (e-PMO) bagi memastikan IPTA memenuhi sasaran yang ditetapkan untuk menjayakan rancangan ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

KAWASAN : REMBAU

NO. SOALAN : 334

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan keberkesanan strategi dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mempelbagaikan sumber pelaburan asing dan juga destinasi eksport negara selain daripada Amerika Syarikat, Eropah, Singapura dan Jepun dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan lagi prestasi pencapaiannya.

JAWAPAN

Dalam usaha mempelbagaikan sumber pelaburan asing serta mensasarkan potensi pelaburan asing dalam negara dan juga destinasi eksport, beberapa langkah telah dilakukan oleh Kerajaan. Antara langkah strategik yang telah diambil ialah:

- Mengadakan Misi Perdagangan dan Pelaburan ke luar negara yang diketuai oleh Y.B. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang bertujuan untuk menyebarkan dan memaklumkan kepada pelabur mengenai peluang-peluang pelaburan di dalam sektor yang disasarkan;
- menganjurkan Misi Projek Spesifik untuk menarik pelaburan daripada industri-industri spesifik yang telah dikenalpasti di masa hadapan;
- menganjurkan persidangan meja bulat dengan kapten-kapten industri sempena lawatan rasmi Y.A.B. Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta Menteri;
- mengambil bahagian dalam pameran industri di luar negara khususnya pameran industri-industri yang menjadi sasaran Kerajaan;
- menganjurkan dan menaja *Industry Leaders Programme* di mana pemimpin yang terpilih akan dijemput ke Malaysia untuk diberi pendedahan

tentang iklim dan peluang pelaburan yang terdapat di negara; dan

- mengadakan hubungan baik dengan Duta-duta asing, Dewan-dewan Perniagaan, Persatuan-persatuan industri serta institusi perbankan.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2010, pelbagai aktiviti telah diadakan di peringkat tempatan serta beberapa lokasi terpilih di seluruh dunia. Antaranya adalah melalui penganjuran 18 pameran perdagangan antarabangsa, empat lawatan rasmi yang diketuai oleh Y.A.B. Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri, lima misi perdagangan dan pelaburan atau lawatan rasmi Y.B. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, 12 misi pemasaran khusus, tiga misi belian, 39 misi belian individu, 22 kaunter promosi, 25 seminar, taklimat dan bengkel, serta 24 sesi penyampaian informasi perdagangan.

Dalam tempoh Januari hingga Ogos 2010, sebanyak 370 syarikat Malaysia telah menyertai 18 pameran perdagangan antarabangsa di seluruh dunia dengan jumlah jualan langsung sebanyak RM0.1 bilion dan jualan dalam rundingan (*sales-in-negotiation*) berjumlah RM13.17

bilion dari penganguran dan penyertaan di pameran-pameran perdagangan tersebut.

Antara pameran perdagangan yang dilaksanakan adalah *Malaysia Services Exhibition 2010*, dengan jumlah jualan dan projek sebanyak RM12.8 bilion, *Gulfood 2010*, sebanyak RM150.89 juta dan *Arab Health*, sebanyak RM115.02 juta.

Selain itu, tiga lawatan rasmi ke India, Kemboja dan Laos yang diketuai oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan satu lawatan rasmi oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri ke Indonesia telah diadakan dimana pelbagai program khusus untuk ahli perniagaan turut dilaksanakan sempena lawatan tersebut. Melalui lawatan-lawatan tersebut, sebanyak 546 bilangan mesyuarat perniagaan telah diadakan. Ianya juga telah menghasilkan jualan langsung sebanyak RM521.31 juta. Jualan dalam rundingan (*sales-in-negotiation*) sebanyak RM521.28 juta turut dihasilkan dalam tempoh Januari hingga Ogos 2010.

Bagi tempoh yang sama juga, MATRADE dan MIDA telah bekerjasama dalam menganjurkan tiga misi perdagangan dan pelaburan yang di ketuai oleh Y.B. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke negara-negara

Eropah, Korea Selatan dan Singapura. Selain itu Y.B. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga telah mengadakan dua lawatan rasmi ke Indonesia dan China. Misi dan lawatan tersebut turut disertai oleh 124 ahli perniagaan dari 38 buah syarikat serta 26 delegasi dari *Malaysian Economic Growth Corridors*. Hasil dari misi dan lawatan tersebut adalah pengajuran 388 mesyuarat perniagaan, jualan dalam rundingan (*sales-in-negotiation*) bernilai RM120.49 bilion dan cadangan pelaburan sebanyak RM1.42 bilion.

MATRADE juga telah menganjurkan 12 misi pemasaran khusus yang disertai oleh 85 buah syarikat bagi tempoh Januari hingga Ogos 2010 yang mana ia telah menghasilkan 607 mesyuarat perniagaan, jualan langsung berjumlah RM8.3 juta dan jualan dalam rundingan (*sales-in-negotiation*) bernilai RM195.75 juta.

Selain itu juga, MATRADE turut menganjurkan beberapa misi belian sepanjang tempoh yang sama. Antara misi belian yang dianjurkan adalah:

- Misi belian bersempena dengan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada 22 dan 23 Mac bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC),

Kuala Lumpur yang disertai oleh enam syarikat dari lima buah negara asing. Mereka turut menyertai mesyuarat perniagaan secara perseorangan dengan 53 buah syarikat pembekal dari Malaysia. Sejumlah 143 mesyuarat perniagaan telah dilaksanakan yang menghasilkan RM0.245 juta jualan langsung dan jualan berpotensi (*potential sales*) bernilai RM1.5 juta;

- Misi belian bersempena *Malaysia International Halal Showcase 2010* (MIHAS) yang bertempat di Menara MATRADE pada 21 dan 22 Jun 2010 di mana sejumlah 409 syarikat dari 53 buah negara telah menyertai mesyuarat perniagaan secara perseorangan dengan 1,005 syarikat pembekal dari Malaysia. Sebanyak 6,637 mesyuarat perniagaan telah dianjurkan dengan hasil jualan langsung sebanyak RM66.2 juta dan jualan berpotensi (*potential sales*) bernilai RM1.1 bilion; dan
- Misi belian bersempena *APHM International Healthcare Conference & Exhibition 2010* pada 13 hingga 15 Julai 2010 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di mana sejumlah 20 syarikat dari 10 negara telah menyertai mesyuarat perniagaan secara perseorangan, dengan 40 syarikat pembekal Malaysia.

Sebanyak 201 mesyuarat perniagaan turut dianjurkan dengan hasil jualan berpotensi (*potential sales*) sebanyak RM2.72 juta.

Aktiviti promosi juga telah dilaksanakan dalam tempoh Januari hingga Ogos 2010 melalui pelaksanaan 39 misi belian individu dari negara-negara seperti Mesir, Iran, Afrika Selatan, Emiriah Arab Bersatu dan sebagainya. Sejumlah 268 mesyuarat perniagaan telah diadakan dengan hasil jualan langsung sebanyak RM3.3 juta dan jualan berpotensi (*potential sales*) bernilai RM173.56 juta.

Selain itu juga, sebanyak 22 Kaunter Promosi (*Promotion Booths*) di pameran-pameran perdagangan antarabangsa telah dibuka sepanjang tempoh Januari hingga Ogos 2010. Pameran-pameran ini turut disertai oleh 621 buah syarikat Malaysia.

Latihan eksport juga turut dilaksanakan dalam tempoh Januari hingga Ogos 2010, di mana sebanyak 25 program latihan eksport telah diadakan dengan penyertaan seramai 3,022 peserta dari 1,848 buah syarikat. Ia merupakan hasil daripada pelaksanaan program latihan eksport melalui penganjuran seminar, taklimat dan bengkel bagi

meningkatkan pengetahuan dan kebolehan di kalangan pengeksport Malaysia.

MATRADE juga turut membuka beberapa kaunter informasi di pameran-pameran tempatan di seluruh negara. Dari Januari hingga Ogos 2010, kaunter-kaunter informasi telah dibuka oleh MATRADE di 22 pameran tempatan bagi meningkatkan kesedaran mengenai fungsi-fungsi dan perkhidmatan MATRADE dalam promosi eksport. Sejumlah 3,078 pertanyaan telah dikemukakan kepada MATRADE melalui kaunter-kaunter ini.

Sebagai strategi Kerajaan untuk mensasarkan negara-negara lain seperti negara Timur Tengah dan negara China sebagai sumber dan potensi pelaburan asing, beberapa siri lawatan berprofil tinggi ke negara-negara di Timur Tengah turut dijalankan pada tahun 2009. Antaranya adalah *Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC) Roadshow*, anjuran Bank Negara Malaysia serta beberapa siri lawatan yang diketuai oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Lawatan balas pemimpin-pemimpin dari negara Timur Tengah juga telah membuktikan minat mereka untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dengan Malaysia serta meningkatkan pelaburan mereka ke negara ini.

Selain dari negara-negara Timur Tengah, negara China juga merupakan negara sasaran yang dirasakan berpotensi dalam menyumbang kepada kemasukan pelaburan langsung asing. Ia dibuktikan daripada jumlah pelaburan yang telah diluluskan bagi sektor perkilangan dari negara China bagi bulan Januari hingga Julai 2010 iaitu sebanyak RM498.5 juta berbanding RM162.2 juta pada keseluruhan tahun 2009.

Antara langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan lagi prestasi pencapaian pelaburan dan perdagangan di negara-negara selain Amerika Syarikat, Eropah, Singapura dan Jepun adalah melalui beberapa strategi yang diselaraskan dengan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh yang diumumkan pada 10 Jun 2010. Dalam hal ini, strategi untuk meningkatkan eksport Malaysia memerlukan tindakan serentak dari aspek pembangunan pengeksport, sumber bekalan bagi pembangunan eksport dan promosi eksport.

Antara strategi terperinci di bawah Pembangunan Pengeksport adalah:

- Mewujudkan program yang menawarkan kursus atau latihan yang berkaitan dengan urus niaga eksport bagi

menggalakkan syarikat dan usahawan yang belum mahir dalam bidang eksport;

- menganjurkan seminar dan bengkel yang khusus untuk memberikan pendedahan di dalam perdagangan antarabangsa yang lebih mendalam kepada syarikat Malaysia yang sudah mengeksport;
- membantu mewujudkan Kumpulan Usahawan Bumiputera dan Wanita yang berorientasikan eksport; dan
- mengadakan Program Bimbingan Eksport dengan bantuan syarikat-syarikat dan usahawan yang berpengalaman.

Bagi mempertingkatkan sumber bekalan pembangunan eksport pula, Kerajaan akan memperkasakan sumber bekalan industri pembuatan dan perkhidmatan bagi menyokong aktiviti eksport yang lebih konsisten.

Selain itu, kehadiran di pasaran akan ditingkatkan melalui aktiviti-aktiviti promosi perdagangan ke pasaran-pasaran baru dan baru muncul seperti Afrika (Nigeria, Mesir, dan

Libya), Amerika Latin (Panama, Chile dan Mexico) serta Asia Tengah (Uzbekistan, Kazakhstan dan Iran).

Peluang-peluang di pasaran-pasaran tradisional pula akan dipelbagaikan melalui aktiviti-aktiviti promosi untuk meluaskan penampilan pasaran dan kehadiran yang lebih ketara bagi barang dan perkhidmatan Malaysia di pasaran-pasaran tradisional. Aktiviti-aktiviti promosi perdagangan di bawah strategi ini akan membantu pengeksport untuk memasuki ke segmen pasaran baru bagi meluaskan syer pasaran mereka.

Langkah-langkah lain yang diambil bagi meningkatkan prestasi eksport negara termasuk:

- mempelbagaikan sektor barang baru dan untuk mengurangkan kebergantungan kepada kekuatan sedia ada di dalam situasi eksport semasa;
- mensasarkan pasaran-pasaran di mana Malaysia menikmati akses keutamaan menerusi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) serantau dan dua hala seperti Perjanjian Perdagangan Bebas China-ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New

Zealand. Pesuruhjaya Perdagangan juga akan menjadi tuan rumah kepada sesi *networking* dengan pembeli berpotensi di luar negara untuk memberi pemahaman tentang kelebihan-kelebihan dalam menjalankan perdagangan menggunakan platform FTA;

- menguatkan kerjasama promosi perdagangan dengan sektor swasta melalui Persatuan-persatuan Perdagangan dan Industri, Dewan-dewan Perniagaan dan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) serta syarikat-syarikat konglomerat untuk mengenal pasti projek-projek dan menyalurkan peluang-peluang bagi meningkatkan eksport. Rangkaian luar negara juga akan terlibat secara aktif dengan konglomerat luar negara, *international buying houses*, komuniti perniagaan yang berpengaruh serta *council* untuk menguatkan rantaian dan memperkuatkan perdagangan. Ia juga akan membantu di dalam penyertaan di pameran-pameran luar negara serta misi perdagangan; dan
- merangsang penggunaan ICT dengan memaksimumkan carian di MATRADE portal, memperkenalkan e-*Newsletter* untuk barang dan perkhidmatan serta kerjasama dengan pembekal

perkhidmatan Internet bagi menyokong promosi industri kecil dan sederhana.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)

SOALAN :

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status pelaksanaan stok penimbal makanan dan apakah kadar peratus stok penimbal makanan negara yang sedia ada.

JAWAPAN : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Paras stokpail beras negara pada masa ini adalah sebanyak 239,000 MT dan paras ini mampu bertahan selama 45 hari. Di samping itu, BERNAS juga mempunyai stok dagangan yang mencukupi untuk satu setengah bulan, dan kilang serta pemborong swasta (termasuk pemborong Kumpulan BERNAS) mempunyai stok yang dianggarkan mencukupi untuk keperluan tiga (3) bulan lagi, menjadikan keseluruhan stok pada satu-satu masa mencukupi untuk keperluan selama kira-kira lima (5) bulan.

Beras stokpail ini disimpan di lokasi yang strategik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pejabat Kawalselia Padi dan Beras akan menyemak kedudukan beras-beras tersebut setiap minggu bagi memastikan jumlah dan kualiti beras mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan.

NO. AUM : 336 331

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3186

SOALAN:

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan tegas Kerajaan terhadap perjudian *online* antarabangsa khususnya sub-ejen dan orang pengantara atau runner yang terbabit bagi membanteras perjudian online ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dungun yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak PDRM sentiasa membuat pemantauan dan menjalankan operasi dari semasa ke semasa bagi menangani kes perjudian *online* antarabangsa serta memastikan mereka yang terlibat dituduh di bawah peruntukan undang-undang berkaitan. Pada tahun 2008, sebanyak **8,494** serbuan telah dibuat di mana seramai **5,318** telah ditangkap. Manakala bagi tahun 2009 sebanyak **8,196** serbuan telah dibuat di mana seramai **6,982** orang telah ditangkap. Bagi tahun 2010 (sehingga Ogos) pula, sebanyak **7,757** serbuan telah dibuat di mana seramai **5,660** telah ditangkap.

Tuan Yang Dipertua,

Selain tangkapan, pihak polis juga telah merampas komputer-komputer yang digunakan dalam kegiatan perjudian *online* tersebut. Jumlah rampasan komputer bagi tahun 2008 adalah sebanyak 38,372 manakala pada tahun 2009 sebanyak 51,316 buah dan bagi tahun 2010 (sehingga Ogos) pula sebanyak 35,406 buah.

NO. SOALAN: 332

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
(DUNGUN)**

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Matulidi Bin Haji Jusoh (Dungun) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah kerajaan bercadang mewajibkan pengusaha hotel dan restoran mendapat sijil halal bagi memastikan hak pengguna Islam di negara ini tidak terabai.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak Kerajaan belum bercadang untuk mewajibkan pengusaha hotel dan restoran mendapat sijil halal dan permohonan sijil halal adalah bersikap terbuka. Namun sebagai satu komitmen dan tanggungjawab sosial pihak hotel dan premis makanan kepada pengunjung dan pelanggan mereka, Kerajaan menggalakkan

mereka untuk memohon dan mendapatkan sijil halal daripada JAKIM atau JAIN/MAIN. Ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa makanan dan minuman yang disediakan untuk para pengguna dan pengunjung hotel benar-benar dapat dipastikan status halalnya. Selain daripada itu, pensijilan halal yang dilaksanakan adalah bersifat *Halalan Toyyiban* yang menetapkan kepatuhan kepada aspek syariah dan keselamatan makanan.

Bagaimana pun, kearah memantapkan dan memperkemaskan lagi pemantauan pensijilan halal, Kerajaan sedang diperingkat akhir untuk meminda Akta Perihal Dagangan, 1972 yang akan dibentangkan oleh KPDKKK di dewan yang mulia ini, dimana hanya JAKIM/JAIN sahaja sebagai agensi kompeten yang mengeluarkan sijil halal.

Sebagai salah satu penggiat di dalam industri makan dan pelancongan, pihak hotel dan premis makanan disarankan agar dapat meningkatkan promosi hotel dan premis makanan halal sebagai pilihan utama kepada semua pengunjung samada pengunjung Islam atau bukan Islam. Ini sekaligus dapat membantu meningkatkan industri itu sendiri dan membri pulangan kepada pengusaha hotel dan premis makanan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]**

SOALAN :

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang menempatkan pegawai kaunselor di masjid untuk menangani masalah sosial khususnya remaja dalam masyarakat setempat.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Penempatan pegawai kaunselor di masjid adalah di bawah bidangkuasa Majlis /Jabatan Agama Islam Negeri (MAIN/JAIN). Bagaimanapun, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Program Pembangunan Keluarga Islam (PPKI)

dan Program Pembangunan Sosial (PPS) di setiap negeri yang mana pelaksanaannya dijalankan oleh pihak JAIN dengan menjadikan **masjid sebagai pusat rujukan masyarakat setempat**. Terdapat fasilitator-fasilitator yang bertugas mengikut jadual yang telah ditetapkan. Perkhidmatan yang disediakan adalah seperti khidmat nasihat, perundingan, bimbingan kelompok, ceramah dan bantuan rujukan kepada agensi-agensi berkaitan. Perkhidmatan ini adalah menyamai dengan perkhidmatan kaunselor.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN]

SOALAN :

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat meneruskan pemakaian kenderaan pengangkutan awam secara sah yang dimiliki oleh individu tanpa mengambil kira usia kenderaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) memang telah menetapkan had usia kenderaan pengangkutan awam seperti berikut:

| Kelas Lesen | Had Usia Kenderaan |
|--------------------|--------------------|
| Teksi | 10 Tahun |
| Teksi Mewah | 10 Tahun |
| Bas Berhenti-Henti | 15 Tahun |
| Bas Catar | 15 Tahun |
| Bas Ekspres | 10 Tahun |
| Bas Sekolah | 30 Tahun |

Had usia kenderaan ini tertakluk kepada semua jenis pemilikan lesen sama ada pemilikan secara individu, perkongsian, syarikat dan koperasi. Penetapan had usia kenderaan ini bagi menjamin keselamatan kenderaan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Selain itu, semua kenderaan pengangkutan awam diwajibkan menjalani pemeriksaan PUSPAKOM secara berkala dalam tempoh 6 bulan sekali dan wajib lulus pemeriksaan berkenaan bagi membolehkan kenderaan tersebut digunakan.

SOALAN NO: 335

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN]

SOALAN :

TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mempelbagaikan lesen tangkapan ikan kepada bot-bot nelayan pantai supaya pendapatan mereka bertambah.

JAWAPAN : YB. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Kerajaan tidak berhasrat untuk mempelbagaikan lesen penangkapan ikan kepada vesel-vesel nelayan pantai. Walau bagaimanapun, nelayan tradisional (Zon A) dibenarkan untuk menggunakan satu unit lesen peralatan menangkap ikan tambahan selain daripada peralatan menangkap ikan utama. Peralatan tambahan tersebut hanyalah peralatan menangkap ikan tradisional dan mesra sumber. Pelaksanaannya telah lama dilakukan bagi membantu nelayan pantai ini untuk menambah pendapatan mereka.

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B Dato' Kamarul Baharin bin Abbas
[Telok Kemang]

SOALAN : 336

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan setakat mana kerajaan membantu sumbangan dana untuk penyelidikan intensif **cara pembiakan MICRO ALGAE** yang berpotensi besar mengatasi dan sebagai pengganti [replacement] kepada beberapa bahan mentah yang diperlukan dalam industri tenaga, makanan, minyak dan gas, bio-diesel dan lain lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Micro-algae adalah tumbuhan mikroskopik dengan jurang saiz dari beberapa mikrometer (μm) kepada beberapa ratus mikrometer dan biasanya dijumpai dalam sistem air tawar dan laut. Dianggarkan kira-kira 200,000 - 800,000 spesis wujud dan kira-kira 35,000 spesis telah dikenalpasti. *Micro-algae* boleh digunakan sebagai pengganti makanan ternakan, penghasilan tenaga alternatif iaitu *biofuel*, makanan kesihatan dan lain-lain lagi.

Berdasarkan kepada potensi besar yang ditunjukkan oleh *micro-algae* melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang telah dijalankan, Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah turut membiayai pelaksanaan beberapa projek R&D berkaitan cara pembiakan *micro-algae* dalam Rancangan Malaysia Ke 9 (RMKe-9). Aktiviti R&D yang dibiayai oleh MOSTI melibatkan kajian mengenai potensi *micro-*

algae dalam bidang penjagaan kesihatan, sumber makanan dan sumber tenaga boleh diperbaharui.

Tuan Yang DiPertua,

R&D mengenai *micro-algae* merupakan salah satu bidang keutamaan penyelidikan oleh MOSTI. Di bawah RMKe-9, MOSTI melalui Dana Sains telah meluluskan sejumlah RM1.71 juta bagi membiayai 9 projek penyelidikan *micro-algae* melibatkan penyelidik-penyalidik tempatan daripada pusat-pusat kecemerlangan. Sementara itu, dibawah Dana Tekno sebanyak 5 projek telah dibiayai yang berjumlah RM12.84 juta. Bagi Dana R&D Inisiatif sebanyak 1 projek telah dibiayai dengan berjumlah RM500,000. Jumlah keseluruhan pembiayaan ialah sebanyak RM15.05 juta.

Tuan Yang DiPertua,

Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut;

Dana Tekno (TechnoFund)

1. Penyelidikan dalam membangunkan kaedah pembiakan *micro-algae* melalui photobioreaktor untuk menghasilkan vaksin ternakan udang. Aktiviti R&D ini dijalankan oleh Universiti Malaya dengan kerjasama Global Satria Sdn.Bhd. Melalui R&D yang dijalankan, kedua-dua pihak telah berjaya membangunkan vaksin oral daripada *micro-algae* bagi menangani masalah Virus *White Spot Syndrome* (WSS) yang sering menyerang udang yang diternak. Vaksin oral ini dibangunkan menggunakan teknologi DNA Rekombinan. Vaksin oral yang dihasilkan ini akan bertindak mengaktifkan sistem ketahanan udang terhadap jangkitan virus WSS. Melalui ujian dan kajian yang dijalankan, vaksin ini berpotensi dihasilkan dalam skala besar dengan menggunakan photobioreaktor berkapasiti 500 – 1000 liter dan memberi manfaat yang besar kepada penternak-penternak udang di dalam dan luar negara. Pada masa ini 5 paten berkaitan proses dan teknologi yang dihasilkan sedang dalam proses pemfailan.

2. MOSTI juga telah membiayai penyelidikan pembiakan *micro-algae* menggunakan teknologi ‘raceware’ daripada Syarikat Ingrepro BV, Belanda bagi penghasilan biodiesel. Penyelidikan ini dijalankan oleh Biomac Corporation Sdn.Bhd di mana *micro-algae* akan dibiak dalam kolam buatan manusia yang telah dilengkapi

dengan formulasi nutrient khas. Teknologi ini juga memperkenalkan proses penyulingan termaju untuk menghasilkan minyak biodiesel tulen yang berkualiti tinggi dari *micro-algae*.

3. Aktiviti R&D mengenai pembiakan *micro-algae* dalam skala yang lebih besar melalui kaedah *Floating Bed Method* (FBM) dijalankan oleh syarikat Algae International Sdn. Bhd. Kajian ini meliputi kaedah pembiakan, penuaian dan pengekstrakan *algae* secara lebih efektif dan menjimatkan kos berbanding kaedah konvensional. Menerusi kaedah ini, *micro-algae* akan dapat dipelihara dan dituai dalam skala besar bagi menghasilkan biomas yang diperlukan untuk penyelidikan pengeluaran biodiesel ke arah pengkomersilan.

Dana Sains (ScienceFund)

Melalui Dana Sains, aktiviti R&D yang dijalankan adalah berskala makmal (*lab-scale*) dan penyelidikan asas yang menjana penemuan dan ilmu baru untuk memastikan kelestarian penggunaan *micro-algae* dimasa hadapan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah seperti berikut;

1. Kajian mengenalpasti pelbagai spesis *micro-algae* tempatan/tropikal yang berpotensi untuk dieksplotasi oleh industri. Ia termasuk kajian mengenai nilai nutrisi, penambahbaikan *strain micro-algae* melalui kaedah bioteknologi.
2. Aktiviti R&D juga meliputi penyelidikan aplikasi *micro-algae* dalam bidang penjagaan kesihatan melalui penghasilan *micro-algae Chorella vulgaris* yang mempunyai ciri-ciri antitumor dan dipercayai mempunyai potensi besar merawat kanser.

NO. AUM : ~~342~~ 337

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3187

SOALAN:

**DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah keseluruhan
[statistik] pendatang asing yang memegang VISA dan VOA yang telah
melakukan kesalahan didakwa ataupun tidak dan jumlah mereka yang
telah dihantar balik sesudah tamat menjalani hukuman.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk tempoh di antara Januari 2010 sehingga September 2010, seramai 25,553 orang pendatang asing telah ditahan oleh Jabatan Imigresen Malaysia di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan – Peraturan Imigresen 1963. Daripada jumlah tersebut, seramai 9,944 orang telah didakwa.

Manakala 37,042 orang pula telah dihantar balik sesudah tamat menjalani hukuman. Jumlah tersebut adalah merangkumi tangkapan – tangkapan yang terdahulu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO'
KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**

KAWASAN : TELOK KEMANG

NO. SOALAN : 343

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan nama-nama syarikat mengikut jumlah yang
diperuntukkan Permit Import (AP) sejak 2008 sehingga kini.**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MITI telah mengeluarkan sebanyak 430,486 Permit Import kepada 6,770 syarikat bagi tahun 2008 sehingga 30 September 2010. Maklumat lengkap adalah seperti di **Jadual 1:**

Jadual 1: Jumlah Permit Import yang dikeluarkan oleh MITI daripada 2008 sehingga 30 September 2010.

| <u>Tahun</u> | <u>Permit Import</u> |
|--------------------|-----------------------|
| 2008 | 147,830 |
| 2009 | 137,608 |
| Jan-September 2010 | 145,048 |
| JUMLAH | <u>430,486</u> |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **DATO' KAMARUL BAHRIN BIN
ABBAS [TELOK KEMANG]**

PERTANYAAN : **BERTULIS**

TARIKH : **11.10.2010 - 15.12.2010**

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah projek pembangunan yang melibatkan beberapa unit rumah mampu milik di seluruh negara yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) pada masa kini dan berapa yang telah siap serta dijual.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 September 2010, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah berjaya menyiapkan sejumlah 11,451 unit rumah di seluruh negara melalui Program Rumah Mampu Milik (RMM). Manakala, sebanyak 33,454 unit rumah masih di peringkat pembinaan. Terkini, sebanyak 13,343 unit rumah telah terjual dan sejumlah 1,882 unit lagi telah mendapat tempahan daripada pembeli.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

TARIKH :

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan jumlah dana digunakan daripada RM5 bilion yang telah diperuntukkan untuk bantuan dan pembangunan Orang Asli mengikut negeri setakat ini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah memberi perhatian yang serius kepada program pembangunan masyarakat luar bandar terutamanya masyarakat Orang Asli. Daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian, sebanyak RM417.4 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan sehingga kini sebanyak RM378.3 juta telah dibelanjakan bagi penyaluran pelbagai jenis bantuan dan projek-projek pembangunan di perkampungan Orang Asli.

Pecahan dan agihan peruntukan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

| Bil | Negeri | Peruntukan (RM) | Belanja (RM) |
|------------|---------------|----------------------------|-------------------------|
| 1. | Ibu Pejabat | 201,695,880.89 | 182,051,621.62 |
| 2. | Pahang | 106,127,498.80 | 104,757,558.83 |
| 3. | Perak | 38,910,743.00 | 36,790,160.82 |
| 4. | Kelantan | 21,575,564.26 | 20,867,596.39 |
| 5. | Johor | 14,882,061.97 | 12,025,383.74 |
| 6. | Selangor | 12,905,670.89 | 12,691,353.18 |
| 7. | N.Sembilan | 8,032,687.20 | 7,446,239.80 |
| 8. | Melaka | 1,611,911.80 | 1,533,328.23 |
| 9. | Terengganu | 232,332.00 | 232,331.70 |
| | JUMLAH | 405,974,350.81 | 378,395,574.31 |

Pecahan agihan peruntukan pembangunan mengikut negeri-negeri ini adalah berdasarkan keperluan pelaksanaan projek di sesebuah negeri, di samping mengambil kira jumlah populasi Orang Asli yang teramai di Negeri Pahang mencatatkan jumlah masyarakat Orang Asli teramai diikuti dengan Negeri Perak, Kelantan, Johor, Selangor, N.Sembilan, Melaka dan Terengganu.

No : 341

SJ.B(TULIS)/(27)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
(BATU KAWAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 11.10.2010 – 15.12.2010

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Bank Negara terhadap bank-bank di Malaysia yang enggan menerima dan memproses cek-cek dalam Bahasa Tamil dengan serta-merta tanpa alasan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan berhubung penggunaan bahasa-bahasa lain, termasuk menerima dan memproses cek-cek dalam bahasa Tamil adalah tertakluk kepada budi bicara setiap institusi kewangan setelah mengambil kira keperluan dan kehendak pelanggan serta pertimbangan komersil yang lain. Dalam hal ini, Bank

Negara Malaysia telah mengemukakan cadangan tersebut kepada Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia dan Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Islam Malaysia untuk dimaklumkan kepada ahli-ahlinya.

2. Institusi kewangan secara amnya menerima cek-cek yang ditulis dalam pelbagai bahasa selain Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sekiranya terdapat pegawai yang fasih dalam bahasa tersebut. Tiada sebarang polisi khusus dikeluarkan oleh pihak bank-bank untuk menolak cek-cek yang ditulis di dalam Bahasa Tamil. Berdasarkan tinjauan yang dijalankan BNM mendapati kebanyakan bank utama di Malaysia seperti Maybank, CIMB Bank, Public Bank, HSBC Bank dan EON Bank mempunyai sumber yang mencukupi untuk menyemak dan menerima cek-cek yang ditulis di dalam Bahasa Tamil. Secara purata, dalam sehari bank-bank berkenaan menerima dan memproses satu atau dua cek yang ditulis di dalam Bahasa Tamil.

NO. AUM : ~~347~~ 342

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3188

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah benar atau tidak tuduhan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan bahawa Kementerian Dalam Negeri sentiasa campur tangan dalam urusan kepolisan semasa kepimpinannya sehingga menyusahkan kerja-kerja pihak polis serta apakah sebenarnya peranan Kerajaan Malaysia dalam isu ini.

JAWAPAN

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator yang mengemukakan pertanyaan.

Mengikut seksyen 4 Akta Polis 1967, Ketua Polis Negara adalah bertanggungjawab kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pasukan polis. Sehubungan dengan ini juga, mengikut *Ministers of the Federal Government Order* dengan izin, Menteri Dalam Negeri ialah menteri yang bertanggungjawab mengenai polis.

Selain itu, Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan menyatakan, Pengurus Suruhanjaya Pasukan Polis adalah menteri yang bertanggungjawab ke atas polis; di mana fungsi-fungsi Suruhanjaya ialah untuk menguruskan pelantikan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib ke atas semua pegawai dan anggota polis termasuklah Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai kanan polis.

Mantan Ketua Polis Negara telah dilantik sebagai Ketua Polis Negara pada 12 September 2006 dan dilanjutkan perkhidmatan secara kontrak sebanyak dua (2) kali untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 13 September 2007 dan tempoh kontrak beliau berakhir pada 12 September 2010. Sebelum berakhirnya tempoh kontrak beliau, Kementerian Dalam Negeri telah memaklumkan kepada beliau bahawa kontrak beliau tidak akan dilanjutkan. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa beliau tidak

dimaklumkan terlebih dahulu mengenai status perkhidmatan kontraknya adalah tidak benar.

Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan siasatan terhadap dakwaan ini dan mengambil apa-apa tindakan ke atas beliau. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ketua Polis Negara di atas sumbangan dan khidmat cemerlang beliau kepada Negara.

Dakwaan mantan Ketua Polis Negara seperti yang dinyatakan iaitu terdapat campur tangan pihak ketiga dalam urusan polis adalah tidak berasas. Pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan PDRM dalam memastikan keselamatan Negara dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara. Selain itu aspek kebajikan anggota-anggota polis dan penambahbaikan prasarana turut diberi keutamaan oleh pihak kementerian.

Sebagai Menteri Dalam Negeri, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan bahawa kementerian dan PDRM sentiasa bekerjasama untuk menjalankan tugas dengan cekap, bertanggungjawab dan profesional.

SOALAN NO.: 343

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
(BATU KAWAN)**

SOALAN:

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY (BATU KAWAN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengapakah Plus Expressways Bhd tidak mengambil inisiatif untuk menambah bilangan *toll gate* di hentian-hentian tol yang penting walaupun bilangan pengguna lebuh raya telah semakin meningkat sehingga mengakibatkan kesesakan kenderaan serius di hentian tol terutamanya semasa cuti perayaan dan sekolah.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan yang berlaku di plaza-plaza tol, khususnya pada waktu puncak. Sehubungan itu bagi mengurangkan masalah kesesakan tersebut, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan kerjasama syarikat konsesi lebuhraya telah melaksanakan pelbagai langkah dan inisiatif mengikut situasi masa, profil lokasi dan tahap kesesakan di plaza-plaza tol yang terlibat terutama di kawasan Lembah Klang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kesesakan trafik di plaza tol pada waktu puncak dan musim cuti dapat dikurangkan melalui beberapa tindakan yang telah pun dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Antaranya ialah dengan membuka dan memaksimumkan penggunaan semua *booth* tol di plaza tol bagi kemudahan pengguna membuat transaksi bayaran tol. Bagi plaza-plaza tol yang mencatatkan jumlah trafik yang tinggi seperti di Jalan Duta dan Sungai Besi, usaha juga telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi dengan menambah bilangan lorong transaksi tol, iaitu menerusi sistem *booth* tol berlapis dan menambah bilangan kakitangan untuk melaksanakan transaksi secara manual menggunakan peralatan mudah alih (*portable*).

Di samping itu bagi memastikan situasi trafik sentiasa terkawal di plaza-plaza tol, syarikat konsesi lebuhraya juga telah menempatkan kakitangan tambahan di luar *booth* tol untuk memberikan bantuan segera kepada pengguna yang menghadapi masalah transaksi pembayaran di lorong tol elektronik. Syarikat-syarikat konsesi lebuhraya

raya juga sentiasa bekerjasama dengan pihak keselamatan seperti Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) dan RELA untuk melancarkan aliran trafik terutama pada musim perayaan dan hari cuti umum.

Selain itu juga, bagi melicinkan transaksi pembayaran di plaza tol, Kerajaan telah melancarkan program untuk menggalakkan pengguna untuk menggunakan mod bayaran tol secara elektronik dengan menggunakan kad Touch n Go dan device Smart Tag yang lebih mudah dan selesa. Antara program tersebut yang telah dilaksanakan ialah promosi diskaun harga Smart Tag, mengurangkan deposit kad Touch n Go dari RM15 kepada RM10, promosi pemberian kadar Touch n Go secara percuma kepada pengguna terpilih, dan insentif memberikan ganjaran kepada pelanggan-pelanggan yang setia menggunakan perkhidmatan lebuh raya, seperti Program Loyalty PLUSMiles dan pemberian rebat 20% kepada pengguna lebuh raya yang membuat transaksi tol melebihi 80 kali sebulan.

NO. AUM : ~~349~~ 344

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3189

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tujuan sebenar pihak polis sering mengadakan operasi sekatan lalulintas di lebuhraya-lebuhraya utama di mana operasi-operasi sebegini mengakibatkan kesesakan serius di lebuhraya dan amat menyusahkan pengguna-pengguna lebuhraya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pemilihan tempat untuk mengadakan sekatan jalan raya secara umumnya dibuat berdasarkan kepada tiga keadaan iaitu bagi tujuan menjaga ketenteraman awam, pencegahan jenayah dan kawalan trafik. Operasi yang dijalankan oleh pihak polis di lebuhraya-lebuhraya utama pula bukanlah untuk memberi kesulitan kepada pengguna-pengguna jalanraya. Tujuan pihak polis mengadakan sekatan di lebuhraya adalah seperti berikut:-

1) Penguatkuasaan

- Penguatkuasaan diperlukan bagi mencegah dan mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu yang melanggar peraturan atau undang-undang lalulintas seperti memandu melebihi had laju, memotong barisan, memandu di lorong kecemasan dan memandu secara merbahaya. Tindakan ini juga untuk mendidik orang awam supaya lebih berhemah semasa memandu di jalan raya;

2) *Omnipresence*

- Kehadiran polis di lebuhraya adalah amat diperlukan terutamanya untuk tujuan *fear of crime*. Dengan kehadiran polis pengguna-pengguna lebuhraya akan merasa selamat dan selesa semasa memandu kerana keselamatan mereka terjamin. Selain itu, kehadiran polis ini juga akan menimbulkan satu persepsi kepada pemandu-pemandu yang tidak berhemah bahawa mereka sentiasa diperhatikan. Dengan itu, mereka akan memandu mengikut peraturan-peraturan lalulintas seperti yang ditetapkan undang-undang; dan

3) Mengesan penjenayah

- Selain menggunakan jalan-jalan persekutuan, penjenayah juga kerapkali menggunakan lebuhraya untuk meloloskan diri selepas melakukan jenayah. Hasil daripada tindakan yang dilaksanakan ini, beberapa kejayaan telah dapat dicapai dalam mengesan kenderaan curi, kes dadah dan penyeludupan manusia.

Tuan Yang Dipertua,

Penguatkuasaan di lebuhraya-lebuhraya utama perlu dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap pemandu mempunyai

lesen memandu dan dokumen berkaitan yang sah. Walau bagaimanapun, jika berlaku kesesakan semasa operasi dijalankan pihak polis akan mengambil tindakan sewajarnya sama ada membuat kawalan lalulintas sehingga keadaan pulih seperti sediakala atau pun menutup operasi.

SOALAN NO. 345

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]

SOALAN :

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia berhasrat untuk memberi bantuan subsidi penuh ataupun bantuan yang lebih tinggi kepada pesakit yang menjalani rawatan dialisis yang datang daripada golongan miskin tegar dan tidak mempunyai bantuan lain seperti penceden ilat, PERKESO ataupun insurans.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kesihatan memberi bantuan subsidi rawatan hemodialisis kepada pesakit-pesakit miskin/kurang mampu yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis NGO yang berdaftar sebanyak RM50.00 untuk setiap rawatan. Dengan pemberian bantuan subsidi ini, pusat-pusat hemodialisis tidak boleh mengenakan caj melebihi RM60.00 kepada pesakit-pesakit.

Antara tahun 2001 hingga September 2010, Kementerian telah meluluskan sebanyak **RM162.9juta** bantuan subsidi rawatan hemodialisis kepada 3,107 orang pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis di 112 buah pusat hemodialisis NGO.

Bagi mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh pesakit-pesakit miskin/kurang mampu, Kementerian Kesihatan juga telah meluluskan pemberian subsidi RM30.00 untuk setiap suntikan Erythropoietin dengan jumlah maksimum 13 suntikan sebulan, kepada pesakit-pesakit yang menerima subsidi rawatan hemodialisis daripada KKM mulai 1 April 2009. Sehingga September 2010, subsidi suntikan Erythropoietin yang diluluskan ialah sejumlah **RM6.5juta**.

Mengenai soalan pemberian bayaran penuh bagi rawatan dialisis, Kementerian tidak berhasrat untuk menaikkan kadar bantuan subsidi rawatan hemodialisis kepada pesakit-pesakit yang kurang mampu yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis NGO.

NO AUM : 351 346

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3190

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah laporan polis yang diterima untuk tempoh masa 2005-2009 melibatkan kes penipuan dan pengugutan melalui sms :

- (a) Berapa kes tersebut telah disiasat dan diselesaikan; dan
- (b) Berapa orang telah dihadap ke mahkamah dan adakah kegiatan ini dijalankan oleh sindiket dari negara asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian tidak mempunyai rekod sejak tahun 2005 seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat. Walaubagaimanapun sejak tahun 2006 sehingga 2009, terdapat sebanyak 2,823 kes yang melibatkan penyalahgunaan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dilaporkan di seluruh negara untuk tujuan penipuan dan pengugutan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah tersebut sebanyak 37 kes telah selesai dan selebihnya masih dalam siasatan pihak polis. Pihak polis masih menjalankan siasatan tentang penglibatan sindiket dari negara asing di dalam kegiatan itu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

SOALAN :-

Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:**

- (a) dasar dan garis panduan Kerajaan Tempatan untuk menyediakan tempat letak kereta bagi setiap kawasan perniagaan dan taman perumahan; dan
- (b) adakah ia disyaratkan bahawa sebarang cadangan tambahan dan ubahsuai pada rumah kedai sedia ada perlu menyediakan tempat letak kereta tambahan sendiri atau membayar sumbangan kepada Kerajaan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang dalam peringkat akhir kajian semula Garis Panduan Tempat Letak Kereta yang dijangka akan diangkat untuk kelulusan Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) dalam tempoh terdekat ini. Garis Panduan ini bakal memerincikan asas perancangan penyediaan tempat letak kereta di kawasan perniagaan dan taman perumahan yang merangkumi kriteria seperti berikut:

- i. menepati keperluan mengikut jenis pembangunan dan kenderaan (kereta, motosikal, basikal dan beca) dengan menyediakan susun atur serta reka bentuk ruang yang sesuai dan inovatif serta responsif terhadap pengguna dan alam sekitar melalui penggunaan teknologi hijau di samping mempunyai nilai estetika yang tinggi.

- ii. menekankan perancangan mapan supaya penyediaan tempat letak kereta mempunyai **kemudah-sampaian** yang menyenangkan semua pengguna, termasuk Orang Kurang Upaya (OKU).
 - iii. menitikberatkan faktor **mesra pengguna** di mana perletakan, reka bentuk dan penggunaan ruang tempat letak kereta dirancang bagi keselamatan, kesejahteraan serta keselesaan dan seterusnya mewujudkan ruang tempat letak kereta yang seragam, selamat dan responsif kepada pengguna.
 - iv. menyediakan **sistem tempat letak kereta yang efisien, efektif dan teratur** dengan maklumat yang jelas, senang difahami (seperti papan tanda, penunjuk arah, maklumat bayaran dan kaunter atau kiosk bayaran) dan ditempatkan di lokasi sesuai serta mudah dilihat oleh pengguna.
- (b) Sebagai makluman, sebarang cadangan tambahan dan ubahsuai rumah kedai sedia ada perlu menyediakan tempat letak kereta

tambahan mengikut piawaian perancangan yang ditetapkan dan Kerajaan telah menetapkan bahawa setiap petak letak kereta yang gagal disediakan pemaju hendaklah diganti dengan bayaran sumbangan kepada PBT mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil (Tempat Letak Kereta) atau statut perundangan yang berkuatkuasa dan diterimapakai di kawasan pentadbiran masing-masing. Bayaran sumbangan boleh dikecualikan sekiranya tempat letak kereta alternatif disediakan di kawasan berdekatan dalam jarak maksimum 250 meter atau 5 minit berjalan kaki dan setelah mendapat kelulusan PBT terbabit.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Disember 2010

SOALAN NO. (348)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

SOALAN :-

Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) setakat ini, berapa buah kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang di seluruh negara dan berapa kos keseluruhannya; dan
- (b) jumlah kes jenayah jalanan yang dapat diselesaikan kerana dengan kegunaan CCTV ini dan berapa buah CCTV akan dipasang untuk tahun depan dan nyatakan lokasi negerinya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memasang 496 buah **Sistem Pemantauan Kamera Tanpa Wayar (CCTV)** di 25 buah **Pihak Berkuasa Tempatan Secara Sewaan dengan kos keseluruhan sebanyak RM 59,871,200.00** bagi tempoh 5 tahun; dan
- b) Sebarang statistik mengenai indeks jenayah termasuk di kawasan yang dipasang dengan CCTV akan dipantau oleh pihak polis. Projek pemasangan CCTV fasa kedua masih dalam peringkat perancangan dan akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 pada tahun 2011 yang mana bilangan dan lokasi CCTV akan ditentukan bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak polis berdasarkan kepada indeks jenayah, dan pengesahan daripada pihak polis.

Kementerian Perumahan
Dan Kerajaan Tempatan

Disember 2010

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta Menteri Pelajaran menyatakan semua jenis skim subsidi atau bantuan kewangan untuk sekolah SRJK (C) dan SRJK (T):

- (a) adakah benar bahawa bil elektrik dan air perlu ditanggung oleh Lembaga Pengarah atau PIBG sendiri; dan
- (b) adakah benar bahawa terdapat pihak sekolah diminta memhentikan perkhidmatan guru-guru sambilan.

JAWAPAN

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) boleh menggunakan peruntukan bagi Lain-lain Perberbelanjaan Berulang Tahunan (LPBT) untuk pembayaran utiliti dan sekiranya peruntukan LPBT ini tidak mencukupi maka sekolah hendaklah mencari sumber kewangan lain untuk menampung utiliti tersebut. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2011, Kerajaan akan membiaya bil air dan elektrik berdasarkan bil sebenar dan tidak melebihi RM 2,000.
- (b) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) masih lagi meneruskan pengambilan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT). Ini adalah kerana GSTT dilantik bertujuan menampung keperluan kekosongan jawatan dan kekurangan guru pada satu-satu masa. Perkhidmatan GSTT akan ditamatkan setelah KPM membekalkan guru-guru terlatih ke sekolah-sekolah tersebut.